

**UMNO: Penuntut Malaysia Di Luar Negara Patut Dimaklum Perkembangan Ekonomi Negara
Bernama
1 Disember, 2012**

KUALA LUMPUR, 1 Dis (Bernama) -- Penuntut Malaysia di luar negara perlu dimaklumkan tentang perkembangan ekonomi negara agar mereka tidak dipengaruhi oleh dakyah pembangkang yang cuba memburukkan kerajaan di bawah pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Menteri Kewangan Kedua Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah berkata beliau difahamkan di luar negara, terdapat pemimpin pembangkang yang datang untuk membuat kenyataan dan tuduhan yang tidak benar terhadap kerajaan.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan tertutup dengan perwakilan Kelab Umno Luar Negara di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Turut mengadakan pertemuan dengan para penuntut itu ialah bekas Perdana Menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi.

Ahmad Husni yang juga Bendahari Umno berkata penuntut dari luar negara harus mengetahui bahawa pencapaian ekonomi negara pada suku ketiga tahun ini telah mencapai 5.2 peratus, iaitu lebih tinggi daripada pencapaian Amerika Syarikat yang mencatat pertumbuhan 2.3 peratus dan Eurozone (-0.6 peratus) dalam tempoh yang sama.

Beliau juga berkata Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang telah membuka 147 permulaan projek telah membuktikan bahawa kerajaan BN memang komited menarik sumber dari sektor swasta.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=713170>